



3 September 2015  
3 September 2015  
P.U. (A) 205

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN JENAYAH (TATACARA LEMBAGA PENASIHAT) (PINDAAN) 2015

### *PREVENTION OF CRIME (ADVISORY BOARD PROCEDURE) (AMENDMENT) REGULATIONS 2015*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PENCEGAHAN JENAYAH 1959

PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN JENAYAH  
(TATACARA LEMBAGA PENASIHAT) (PINDAAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 23 Akta Pencegahan Jenayah 1959 [Akta 297], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) (Pindaan) 2015.**

**Pindaan peraturan 3**

2. Peraturan-Peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) 2014 [P.U. (A) 86/2014], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 3—

(a) dalam subperaturan (6), dengan menggantikan perkataan “sebelum tamat” dengan perkataan “sebaik selepas tamat”; dan

(b) dalam subperaturan (7), dengan memasukkan selepas perkataan “hendaklah” perkataan “, secara bertulis.”.

**Pindaan peraturan 5**

3. Peraturan 5 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (4), dengan memotong perkataan “atau Timbalan Pendakwa Raya”; dan

(b) dengan menggantikan subperaturan (5) dengan subperaturan yang berikut:

“(5) Lembaga Penasihat boleh—

- (a) jika orang tahanan atau peguam belanya hadir pada masa dan tempat yang ditetapkan untuk pendengaran representasi, meneruskan untuk menimbangkan dan memutuskan representasi itu selepas mendengar kata-kata yang disampaikan oleh orang tahanan itu atau peguam belanya; atau
- (b) jika orang tahanan atau peguam belanya tidak hadir pada masa dan tempat yang ditetapkan untuk pendengaran representasi, meneruskan untuk menimbangkan dan memutuskan representasi itu tanpa kehadiran orang tahanan itu atau peguam belanya.”.

### **Pindaan peraturan 6**

4. Subperaturan 6(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “di bawah subperaturan 5(1)” dengan perkataan “dalam Borang 2”; dan
- (b) dengan memotong perkataan “untuk mengemukakan orang tahanan”.

### **Peraturan baru 8A**

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 8 peraturan yang berikut:

#### **“Lembaga Penasihat boleh memanggil saksi**

8A. Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, Lembaga Penasihat boleh memanggil dan memeriksa mana-mana saksi, mengendalikan sumpah atau ikrar dan memaksa pengemukaan apa-apa dokumen.”.